



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/11/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Dua lelaki cuba seludup burung ditahan

**KOTA TINGGI** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Tanjung Sedili berjaya menggagalkan cubaan menyeludup keluar pelbagai jenis burung selepas menahan sebuah bot di perairan Pengerang di sini malam kelmarin.

Pengarah APMM Zon Tanjung Sedili, Kepten Maritim Mohd Zulfadli Nayan berkata, bot itu ditahan pasukan peronda APMM kira-kira jam 10.35 malam di kedudukan kira-kira lima batu nautika dari tenggara Tanjung Setapa.

“Pemeriksaan mendapati bot yang dikendalikan dua lelaki itu membawa kira-kira 40 sangkar burung mengandungi pelbagai spesies termasuk burung murai batu iaitu spesies yang dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

“APMM juga percaya burung itu cuba diseludup ke Indonesia,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Zulfadli berkata, kesemua rampasan termasuk bot dianggarkan bernilai RM45,000.



Dua lelaki bersama sangkar burung yang dirampas kelmarin.